UUM/DD49/um/03.12.2005/p:9 (1)

Aktiviti 1

Memperkasa bahasa Inggeris di UUM

um 3/12/05 9:1.

FAKULTI Komunikasi dan Bahasa Moden (FKBM) Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengadakan persidangan English Language Teaching (ELT) pada 14 hingga 16 November lalu.

Persidangan tiga hari bertemakan 'Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Inggeris di Asia: Ke Arah Ala Asia' itu membabitkan 25 negara.

Seramai 130 tenaga pengajar menghadiri persidangan tersebut.

Dekan FKBM, Prof. Madya Dr. Nuraini Yusoff berkata, tujuan persidangan tersebut adalah untuk memberi peluang kepada peserta mengenal pasti teknik mengajar dan belajar bahasa Inggeris, membentuk strategi, bertukar-tukar pengalaman, mewujudkan jaringan dan menyumbang secara positif kepada satu perspektif ala Asia terhadap ELT.

Menurut beliau, bahasa Inggeris penting kerana ia menjadi perantara perniagaan antarabangsa dan menjadi lebih penting dengan kemunculan globalisasi.

"Oleh sebab itulah, kami terpaksa mencari strategi yang lebih sesuai dan berkesan untuk mengajar khususnya di Asia di mana kemahiran yang dikehendaki lebih jauh diperlukan," katanya.

Melalui persidangan itu, pelbagai kertas kerja meliputi teori dan amalan bahasa Inggeris serta kaedah dan tinjauan, kurikulum dan bahan-bahan perkembangan serta penilaian telah dibentangkan.

Turut dibincangkan pada persidangan berkenaan adalah karya-karya dari Asia iaitu kegunaan komunikasi teknologi maklumat (ICT), pengurusan, impak globalisasi, kebudayaan yang beraneka dan pencarian mutu pengajaran.

Antara penceramah utama ialah Prof. Dr. Saran Kaur Gill dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang membentangkan 'Language Policy Change in Higher Education in Malaysia: The Reality of Attitudes and Implementation Plans'; Prof. Marie Aizawa, Prof. Madya Mika Miyasone, Prof. Madya Yuri Sasaki, Prof. Nobuya Hagaki dari Jepun (Assessing Communication Competence: The Case of Elementary School English Education in Japan); Dr. Marie-Theresa Jensen dari Australia (Teacher Awareness of The English Language) dan Prof. William Littlewood dari Hong Kong (Clarifying Our Tasks in English Language Teaching).